

Tanah terbiar buah hasil

SUNGAI SIPUT: Masalah tanah terbiar di Mukim Teloi Kiri di sini sehingga menjadi tempat pesembunyian haiwan luar seperti babi dan kera ini berjaya diatasi apabila diusahakan dengan projek nanas secara komersial.

Pada masa kini, kawasan seluas kira-kira 140 hektar di mukim itu diusahakan dengan tanaman nanas oleh hampir 100 peserta.

Projek dilaksanakan di bawah Program Tumpuan Pembangunan Kawasan Pertanian (PTPKP) mukim berkenaan sejak dua tahun lalu membabitkan 11 kampung.

Mereka menerima peruntukan daripada Kerajaan Pusat yang disalurkan menerusi Jabatan Pertanian Kedah.

Pengerusi PTPKP mukim berkenaan, Abd. Halim Abd. Hamid, 43, berkata projek diusahakan dengan nanas dari baka Moris itu mendapat kerjasama sepenuhnya dari JPK yang bertindak memantau pelaksanaan projek selain memberi khidmat nasihat kepada peserta.

Katanya, JPK berfungsi sebagai badan induk yang membimbing peserta selain menyediakan bantuan seperti baja, pembersihan kawasan projek, benih dan teknologi penghasilan buah berkualiti.

“Projek ini antara usaha kerajaan menaja pelaksanaan bidang pertanian yang menampakkan kejayaan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Bagi mengelak lambakan buah di pasaran, kita akan melaksanakan sistem penanaman berjadual selain memberi penekanan dari segi penghasilan buah bermutu tinggi,” katanya.

Antara kampung yang terbabit dalam projek itu ialah Kampung Baru Belacan, Kampung 50 Relong, Kampung Pokok Macang, Kampung Tengkorak Batu, Kampung Sungkup, Kampung Perak dan Kampung Kuala Slim.

Kampung 50 Relong mencatat kawasan paling luas iaitu 30 hektar selain turut dibina pusat pengumpulan hasil ladang dan sebuah pejabat pengurusan yang juga dijadikan tempat mesyuarat.